

IQRA'

Bil. 6/2024
JUN



PROGRAM BACAAN KITAB SYAMAIL MUHAMMADIAH

JUN 8, 2024



Telah berlangsung Program Bacaan Kitab Syamail Muhammadijah bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE), Perpustakaan Cendekiawan pada 8 Jun 2024, Sabtu yang lalu. Program anjuran Persatuan Mahasiswa Muamalat(PMM) dengan kerjasama Perpustakaan Cendekiawan ini telah disampaikan oleh Dr. Abd Wahab Md Ali, Pensyarah,Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Terengganu.

Program ilmu berkonsepkan keagamaan ini memfokuskan kupasan Kitab Syamail Muhammadijah kemudian diiringi qasidah dan selawat. Asy-Syamail Muhammadijah adalah kitab yang membahaskan tentang keperibadian dan akhlak Rasulullah S.A.W. yang menghuraikan pelbagai riwayat tentang keperibadian dan karakter Rasulullah S.A.W. dengan terperinci. Bermula dari bentuk fizikal,tubuh,hidung,rambut,pakaian,kasut dan pedang,kemudian diikuti dengan cara baginda berjalan, makan, minum dan banyak lagi. Kitab ini didukung oleh hadis-hadis berserta sumber periwayatannya. Di samping itu, kitab ini juga turut dilengkapi dengan beberapa gambar alatan dan pakaian peninggalan Rasulullah S.A.W. yang kekal terpelihara di muzium dan yang terdapat dari buku-buku sejarah peradaban Islam dunia.

Mencintai Allah dapat dizahirkan melalui ikutan kepada sunnah-sunnah rasulNya. Dengan mengenali keperibadian Baginda tentulah akan lebih mengenali dan menghayati perjuangan dan sifat kehambaan Baginda kepada Allah S.W.T.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my